



PROGRAM “BUYBACK GUARANTEE” TAPAK SEMAIAN ORANG ASLI NEGERI PAHANG

Nurfazliza, K.1, Roslan, R.¹, Norzaidi, J.¹, Norhafiezah, A.S¹, Mohd Kamal M.N¹

E-mail: nurfazliza@forestry.gov.my

ABSTRACT

Konsep program “Buyback Guarantee” Tapak Semaian Orang Asli Negeri Pahang ialah pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) membekalkan kelengkapan tapak semaian kepada peserta dan peserta dibenarkan mencari anak benih dan anak pokok liar di sekitar kawasan rayau mereka. Anak pokok tersebut disemai dan dijaga oleh peserta sehingga mencapai ketinggian lebih kurang 3 kaki dan seterusnya anak pokok ini akan dibeli oleh JPNP dengan kadar harga RM5.00 per pokok. Para peserta juga dibenarkan menjual mengikut harga pasaran kepada pihak luar. Program “Buyback Guarantee” Tapak Semaian Orang Asli Negeri Pahang bermula di Tasik Chini, Pekan melibatkan penyertaan sukarela dari penduduk di Tasik Chini seramai 23 orang melibatkan peserta dari lima (5) buah kampung iaitu, Kampung Gulum, Kampung Melai, Kampung Cendahan, Kampung Tanjung Puput dan Kampung Tanjung Sambit, Pekan Pahang. Keseluruhan peserta program ini menyatakan bahawa program ini merupakan sumber pendapatan sampingan kepada mereka antara RM400 ke RM600 sebulan. Kejayaan program ini di Tasik Chini, Pekan telah diperluaskan ke Kampung Renit dan Kampung Terakit, Cameron Highlands. Pada masa ini, sebanyak 22,000 anak pokok telah dihasilkan oleh tapak semaian Orang Asli, Cameron Highlands. Selain itu, Yayasan Hijau Malaysia turut sama menyokong program ini dengan mendapatkan penaja bagi tapak semaian Orang Asli Ulu Chemperoh, Janda Baik. Usaha antara Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) dengan peserta program Buyback Guarantee Tapak Semaian Janda Baik melibatkan penajaan penyediaan kelengkapan tapak semaian dan juga pembelian anak pokok yang akan ditanam di sepanjang laluan MRL. Terkini, latihan turut diberikan oleh peserta Orang Asli Tasik Chini, Pekan kepada peserta Orang Asli Kampung Meranti, Pekan di mana peserta dapat meningkatkan kefahaman dan kepentingan perolehan bahan tanaman bagi hutan paya gambut. Secara keseluruhannya, program ini telah memberi impak positif kepada usaha konservasi di Negeri Pahang. Dalam pada masa yang sama program ini dapat memberi sumber pendapatan alternatif kepada penduduk Orang Asli di samping mengekalkan budaya mereka yang menggunakan sumber hutan dalam kehidupan seharian mereka.

Keywords: Buyback guarantee, komuniti setempat, tapak semaian